

12/09/2000

PM sedih Pas terbit buku hina Nabi Muhammad

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan tindakan Pas yang sekali lagi menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku yang menyatakan Nabi Muhammad sekadar pemimpin sebuah parti Islam.

Merujuk kepada buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?" oleh Ibnu Daullah, Perdana Menteri berkata ia jelas menghina Nabi Muhammad dan agama Islam selain menyamakan pemimpin Pas dengan Rasulullah.

"Di sini (dalam buku itu) Nabi Muhammad diisytihar sebagai pemimpin parti Islam pertama, jadikan Nabi Muhammad bukan rasul yang membawa agama Islam kepada kita tetapi pemimpin parti Islam pertama.

"Jadi Nabi Muhammad tubuhkan parti Islam, bukan bawa agama. Ini kata Pas dalam buku ni. Ini bermakna orang-orang ini (merujuk gambar pemimpin Pas di kulit buku) semua adalah pemimpin parti Islam yang ke-135kah, saya tak tahulah.

"Jadi nampak dia (pemimpin Pas) sama dengan Nabi Muhammad. Dia juga pemimpin parti Islam, dan Nabi Muhammad pun pemimpin parti Islam," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut membacakan petikan buku itu yang berbunyi:

"Pemimpin parti Islam pertama telah berhijrah daripada Makkah ke Madinah. Setibanya, baginda mendapati dua suku kaum... melalui parti Islam baginda bukan saja berjaya menyatukan sesama penduduk Madinah..."

Pada kulit belakang buku disiarkan apa yang dinamakan "Amanat Untuk Rakyat Malaysia" oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Perdana Menteri berkata, Umno menentang hujah seperti itu kerana ia menghina agama Islam.

"Kita tidak boleh berkata Nabi Muhammad adalah pemimpin parti, Tuhan tidak menyampaikan wahyunya kepada Nabi Muhammad supaya menubuh parti Islam... dalam Quran pun tak ada, dalam hadis pun tak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata, buku itu turut menyatakan parti lain selain Pas sebagai parti syaitan atau sekular.

"Tetapi dia tak terang siapa parti syaitan, apakah itu parti Keadilan (Parti Keadilan Nasional) atau DAP atau sosialis (Parti Rakyat Malaysia) atau Umno.

"Kalau DAP itu parti syaitan, jadi kesanggupan Pas bekerjasama dengan parti syaitan ini sesuailah dengan kenyataan Nik Aziz (Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat) bahawa dia sanggup bekerjasama dengan syaitan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau berasa amat sedih sekali dengan kesanggupan Pas menyalahgunakan agama semata-mata untuk kepentingan politik.

Beliau berkata, Pas sebelum ini mengatakan Tuhan mencarut semata-mata untuk menghalalkan buku Datuk Shahnun Ahmad (Shit) dan sekarang menyatakan Nabi Muhammad sebagai presiden pertama parti Islam semata-mata untuk menghalalkan Pas.

"Kalau orang Islam di Malaysia ini masih tidak sedar mengenai penyalahgunaan agama oleh parti Pas, saya tak tahulah apa yang boleh menyedarkan mereka," katanya.

(END)